



NEGERI TERENGGANU

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 41
Bil. 26

29hb Disember 1988

TAMBAHAN No. 15
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 16.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN DAN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1988

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 225(r) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat kaedah-kaedah berikut:

*En. Tr. No.
12/86.*

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Pendaftaran dan Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1988** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

*Nama dan
mula
berkuatkuasa.*

2. Dalam kaedah-kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986;

“Jabatan” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

“Majlis” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

“Negeri” ertinya Negeri Terengganu;

“Pengurus” ertinya mana-mana orang atau badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan sekolah Islam;

“Pesuruhjaya” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Enakmen;

“Sekolah Islam” ertinya mana-mana sekolah Agama Islam di dalam Negeri atau di mana-mana tempat, yang termasuklah masjid, madrasah, surau, balaisah, markas, pondok dan tadika, di mana lima belas orang atau lebih ada didaftarkan untuk mempelajari atau akan diajari mata-mata pelajaran yang termasuklah mana-mana mata pelajaran yang berhubungan dengan agama Islam, tetapi tidak termasuk mana-mana sekolah agama Islam yang berada di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan Jabatan Hal Ehwal Agama, Terengganu.

Tanggung-
jawab
Pesuruhjaya.

En. Tr. 12/86.

Pendaftaran.

Permohonan
untuk
pendaftaran.

3. Bagi maksud memberi kebenaran bagi mendirikan mana-mana sekolah Islam atau menggunakan mana-mana bangunan yang sedia ada sebagai atau bagi maksud menjadikan sebuah sekolah Islam di bawah seksyen 199(2) Enakmen, Pesuruhjaya hendaklah memastikan semua sekolah Islam diuruskan mengikut kaedah-kaedah ini.

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan di bawah kaedah-kaedah ini, semua sekolah Islam hendaklah didaftarkan mengikut kaedah-kaedah ini.

(2) Semua sekolah Islam yang telah ditubuhkan sebelum kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa hendaklah didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah ini dalam masa enam bulan selepas kaedah-kaedah ini mula berkuatkuasa atau apa-apa tempoh yang lebih lama dibenarkan oleh Pesuruhjaya.

(3) Mana-mana orang yang bertindak sebagai pengurus atau guru di mana-mana sekolah Islam yang tidak didaftarkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah kaedah-kaedah ini.

5. (1) Mana-mana orang atau badan bolehlah memohon mendaftar mana-mana tempat sebagai sekolah Islam mengikut kehendak kaedah-kaedah ini.

(2) Permohonan untuk pendaftaran sekolah Islam hendaklah dialamatkan kepada Pesuruhjaya di dalam Borang 1 seperti yang ditetapkan dalam Jadual.

(3) Tiap-tiap permohonan adalah dikenakan fee sebanyak \$10.00.

(4) Setelah menerima suatu permohonan, Pesuruhjaya hendaklah menimbangkan sama ada hendak meluluskan atau menolak permohonan itu.

(5) Jika kelulusan telah diberikan, Pesuruhjaya hendaklah dengan segera mendaftarkan sekolah Islam itu dan mengeluarkan kepada pemohon Sijil Pendaftaran di dalam Borang 2 seperti yang ditetapkan dalam Jadual tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(6) Tiap-tiap Sijil Pendaftaran adalah dikenakan fee sebanyak \$10.00.

6. Pesuruhjaya hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar bagi semua sekolah Islam yang didaftarkan di bawah kaedah-kaedah ini dan dalam daftar itu hendaklah direkodkan butir-butir mengenai setiap sekolah termasuk—

Daftar.

- (a) nama dan alamat sekolah;
- (b) butir-butir mengenai pengurus dan kakitangan sekolah dan guru-guru yang mengajar;
- (c) bilangan murid mengikut kategori kanak-kanak, dewasa dan jantina;
- (d) kurikulum untuk sekolah;
- (e) sumber kewangan;
- (f) bahasa pengantar; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang disifatkan oleh Pesuruhjaya patut direkodkan.

7. Bagi maksud-maksud menimbangkan sama ada permohonan untuk pendaftaran diluluskan atau tidak Pesuruhjaya hendaklah mengambil kira syarat-syarat yang berikut:

Syarat-syarat memberi kelulusan.

- (a) kesesuaian sekolah Islam atau bangunan atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan;
- (b) kesesuaian orang-orang yang menguruskan sekolah Islam;
- (c) sumber kewangan untuk menyenggarakan sekolah Islam;
- (d) keperluan mengadakan sekolah Islam dalam kawasan di mana sekolah Islam yang dicadangkan itu hendak didirikan;
- (e) kesesuaian kurikulum;
- (f) kelayakan tenaga pengajar; atau
- (g) apa-apa sebab lain yang, pada pendapat Pesuruhjaya, perlu untuk mendirikan sekolah Islam yang berjaya.

8. (1) Pesuruhjaya boleh pada bila-bila masa jua membatalkan pendaftaran sesebuah sekolah Islam jika ia berpuas hati bahawa sekolah Islam berkenaan melanggar mana-mana peruntukan di bawah kaedah-kaedah ini atau Enakmen atau di atas sebarang sebab yang didapati munasabah oleh Pesuruhjaya.

Pembatalan pendaftaran.

(2) Satu notis secara bertulis di atas cadangan membatalkan pendaftaran sekolah itu hendaklah disampaikan kepada pihak pengurus sekolah untuk memberi peluang kepadanya menunjukkan sebab mengapa pendaftaran tidak harus dibatal.

(3) Jika mana-mana sekolah Islam terkilan dengan keputusan di bawah perenggan (2) pengurus boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu, membuat rayuan kepada Majlis yang mana keputusannya adalah muktamad.

Pengurus
melapor
pertukaran
guru-guru
atau
pengurusan.

9. (1) Adalah menjadi tugas pengurus sekolah Islam melaporkan kepada Pesuruhjaya apa-apa pertukaran guru-guru atau pengurusan sekolah yang ia menjadi pengurus.

(2) Mana-mana pengurus yang gagal melaporkan apa-apa pertukaran sedemikian dalam masa tiga puluh hari dari tarikh berlakunya pertukaran itu, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah kaedah-kaedah ini.

Pemeriksaan
sekolah.

10. Adalah menjadi tugas Pesuruhjaya memeriksa dengan sendirinya atau mana-mana pegawai Jabatan yang diberi kuasa bertulis olehnya sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun tiap-tiap sekolah Islam yang berdaftar bagi maksud menentukan sama ada semua peruntukan-peruntukan di bawah kaedah-kaedah ini dipatuhi.

Sekolah yang
tidak lagi
berjalan.

11. (1) Jika Pesuruhjaya mempunyai alasan munasabah yang menunjukkan bahawa mana-mana sekolah yang berdaftar tidak lagi menjalankan urusannya bolehlah ia menyerah atau menyebabkan diserahkan satu notis kepada pengurus sekolah itu meminta supaya dibekalkan kepadanya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu bukti yang menunjukkan bahawa urusan sekolah itu masih diteruskan.

(2) Jika selepas tempoh tiga puluh hari Pesuruhjaya berpuas hati bahawa sekolah itu tidak lagi menjalankan urusannya bolehlah ia membatalkan pendaftarannya.

(3) Jika dalam perkara yang dimaksudkan di bawah perenggan (1) kaedah ini Pesuruhjaya tidak berupaya menyerahkan notis itu setelah dijalankan penyiasatan, bolehlah ia membatalkan pendaftaran sekolah itu.

Kuasa untuk
memasuki dan
mengegedah
premis.

12. Apabila diterima aduan bahawa mana-mana tempat, rumah atau bangunan telah digunakan sebagai sekolah Islam dan Pesuruhjaya berpuas hati bahawa tempat, rumah atau bangunan itu tidak didaftarkan sebagai sekolah Islam atau pendaftarannya telah dibatalkan di bawah kaedah-kaedah 8 dan 11 atau mana-mana sekolah Islam yang berdaftar melanggar mana-mana peruntukan di bawah kaedah-kaedah ini Pesuruhjaya atau mana-mana Pegawai Jabatan yang diberi kuasa olehnya, memasuki serta memeriksa tempat, rumah atau bangunan tersebut dan menyita sebarang buku-buku, dokumen-dokumen, meterai dan lain-lain alat yang dipercayai dipunyai atau digunakan oleh sekolah itu.

Penalti.

13. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

JADUAL

BORANG 1

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN DAN PENGAWALAN
SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1988
(Perenggan 5 (2))

PERMOHONAN UNTUK PENDAFTARAN SEKOLAH ISLAM

Kepada—

Pesuruhjaya,
Jabatan Hal Ehwal Agama, Terengganu,
Kuala Terengganu.

Tuan,

Saya kemukakan di bawah ini butir-butir mengenai suatu sekolah Agama Islam yang saya cadangkan hendak dibuka di alamat yang tersebut di bawah untuk kelulusan tuan.

Yang benar,

(.....)
(Tandatangan dan Nama
Pengurus Sekolah Islam)

Tarikh

Fee Permohonan: \$10.00

* Sila jawab soalan-soalan berikut dan kembarkan lampiran jika perlu.

1. Nama sekolah
2. Alamat sekolah

Tel. No.:

3. Butir-butir mengenai: (a) Pengurus:
 - (sila sebut nama, No.* Kad Pengenalan, umur, alamat tempat tinggal, kelulusan, pengalaman, gaji)
 -

(b) Kakitangan:

(1)

(2)

(3)

(c) Guru-guru:

(1)

(2)

(3)

(4)

(5)

4. Bilangan murid:

Dewasa: (lelaki) (Perempuan)

Kanak-kanak: (lelaki) (Perempuan)

5. Karikulum untuk sekolah: (1) Peringkat pelajaran

(nyatakan sama ada tadika,
rendah, menengah dll.)(2) Jenis peperiksaan yang akan
disediakan

6. Waktu pelajaran

7. Sumber kewangan: (1)

(2)

(3)

8. Bahasa pengantar: (1) Utama

(2) Tambahan

9. Bayaran sekolah: (1) Pelajaran \$

(2) Asrama \$

(3) Lain-lain \$

10. Bilangan kelas

11. Bilangan murid dalam satu kelas

BORANG 2

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN DAN PENGAWALAN
SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM 1988
(Perenggan 5 (5))

SIJIL PENDAFTARAN SEKOLAH ISLAM
No.

BAHAWA Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Terengganu dengan ini
membenarkan yang
beralamat di
.....
mengendalikan sekolah Agama Islam di

2. Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a)
(b)
(c)

(METERAI)

Tarikh:
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama,
Fee Sijil: \$10.00 *Terengganu*

Bertarikh 25 April 1988.
[MB. TR. (S) 6/60 Bhg. 8; PUN. TR. (S) 142/2]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SERI AMAR DIRAJA,
Menteri Besar,
Terengganu